



KP.BKK.200-15/06/03 (19)
29 Disember 2011

Kelab Antarabangsa Hiroshima Kuala Lumpur
No. 43-1A
Jalan Seri Putra ¼,
Bandar Sri Putra, 43000 Bangi, Kajang
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

Kebenaran Meneruskan Program-Program Kerjasama Dengan Kementerian Pelajaran Malaysia Tahun 2012

Dengan hormatnya saya merujuk surat tuan HCK.01.23/27.2 KPM/OVERSEA 2012 (1) bertarikh 27 Disember 2011 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia tiada halangan terhadap cadangan tuan untuk meneruskan program-program antarabangsa (seperti dalam maklumat program) bagi tahun 2012;

Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran ingin memberi beberapa cadangan berikut sebagai persediaan dan langkah berjaga-jaga untuk keselamatan dan kesejahteraan peserta program ;

- 2.1 Setiap murid perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui Pengetua dan Guru Besar masing-masing.
- 2.2 Peserta program hendaklah sihat tubuh badan dan betul-betul memahami objektif program serta bersedia mempelajari kebudayaan Negara yang dilawati.
- 2.3 Pihak penganjur diminta mengadakan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kebajikan murid-murid sewaktu program berlangsung.
- 2.4 Proses pemilihan peserta untuk program ini hendaklah melibatkan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 2.5 Peserta-peserta program diberi latihan persediaan terlebih dahulu sebelum bertolak ke negara yang dilawati.
- 2.6 Tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian dengan program.
- 2.7 Perlu ada guru pengiring perempuan yang dipilih oleh Kementerian Pelajaran jika ada peserta terdiri daripada murid-murid perempuan.

2.8 Laporan program hendaklah dikemukakan kepada Bahagian ini dua minggu setelah selesai program.

3. Pihak tuan juga hendaklah memastikan segala prosedur dan peraturan lawatan ke luar negara dipatuhi bagi memastikan keselamatan murid-murid semasa lawatan berada dalam kawalan pihak penganjur.

Sekian .

PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



HAJI MUMAMAT ROLI BIN HJ. HASSAN

Pengarah

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia.